

**PERKARA : PTM02 – PENGURUSAN WOKSYOP**

**ARAHAN KEPADA CALON**

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

**SOALAN 1**

- a) Nyatakan definisi untuk istilah piawaian senggaraan yang dinyatakan di bawah.
- i) Keboleh sediaan (*Availability*)
  - ii) Keboleh harapan (*Reliability*)
- (6 markah)
- b) Penyenggaraan merupakan aspek penting dalam penjagaan jentera. Penyenggaraan yang tidak mengikut jadual atau kurang senggaraan berkala boleh menyebabkan kerosakan kepada jentera. Sebutkan **tiga (3)** punca kerosakan awal (*premature failure*) jentera disebabkan oleh salah pengendalian dan operasi jentera tersebut.
- (6 markah)
- c) Setiap kenderaan harus dibuat pemeriksaan harian bagi memastikan kenderaan tersebut dalam keadaan baik. Terangkan **empat (4)** perkara yang perlu dibuat pemeriksaan untuk dua (2) situasi seperti yang dinyatakan di bawah:
- i) Sebelum enjin dihidupkan
  - ii) Selepas enjin dihidupkan
- (8 markah)

SOALAN 2

- a) Jabatan A mempunyai 15 buah pacuan empat roda yang perlu bersedia setiap hari selama 30 hari pada bulan B. Walaubagaimanapun 3 buah pacuan empat roda tidak dapat digunakan selama 5 hari daripada 30 hari tersebut. Kirakan kadar keboleh sediaan bagi kenderaan pacuan empat roda untuk bulan B.

(5 markah)

- b) Senaraikan **lima (5)** faktor yang memberi kesan kepada prestasi keboleh sediaan sesuatu kenderaan.

(5 markah)

- c) Seorang kakitangan awam bercadang untuk membeli kenderaan terpakai seperti yang dinyatakan di bawah dengan menggunakan pinjaman kerajaan. Kirakan anggaran harga penilaian dan tempoh ekonomi kenderaan ini.

Jenis/Model Kenderaan :Honda Civic 2.0(A)
Tahun Dibuat : 2007 (Usia 6 tahun)
Harga Pembelian Asal : RM 100,000.00
Harga Baru Semasa : RM 116,000.00
Kadar Selepas Susut Nilai : 75 %

(10 markah)

SOALAN 3


- a) Pengurusan woksyop merupakan salah satu perkhidmatan kejuruteraan mekanikal. Pada umumnya semua woksyop kerajaan mempunyai organisasi yang hampir sama. Berdasarkan jawatan-jawatan dalam organisasi woksyop kerajaan yang disenaraikan di bawah, huraikan dengan ringkas tugas dan tanggungjawab setiap jawatan tersebut.

- i) Pengurus Bengkel
- ii) Fomen
- iii) Penyelia
- iv) Penjaga Stor
- v) Penyelia Keselamatan

(10 markah)

**SOALAN 3 (sambungan)**

- b) Lengkapkan carta alir piawaian kerja yang bertanda **A hingga J di bawah** untuk proses pemberian kenderaan dan loji di woksyop.



(10 Markah)

SOALAN 4

- a) Dalam pengurusan stor, paras stok adalah jumlah stok yang perlu disimpan pada satu masa. Sebutkan **empat (4)** situasi yang memerlukan paras stok dikaji semula.
- (4 markah)*
- b) Berikan **enam (6)** kaedah pelaksanaan pelupusan Aset Alih Kerajaan yang nilai perolehannya melebihi RM10,000.
- (6 markah)*
- c) Verifikasi stor dilaksanakan selepas pemeriksaan stok dijalankan. Ia perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun iaitu sebelum 31 Disember pada setiap tahun. Nyatakan **dua (2)** tugas Pemverifikasi Stor.
- (4 markah)*
- d) Anda dilantik sebagai Pegawai Penerima yang dipertanggungjawabkan untuk menerima dan mengesahkan barang-barang stor yang diperolehi. Selain daripada memeriksa barang yang diterima secara fizikal, sebagai Pegawai Penerima anda perlu memeriksa beberapa dokumen dengan teliti bagi memastikan barang tersebut menepati spesifikasi yang ditetapkan. Nyatakan **enam (6)** dokumen yang perlu diperiksa oleh anda sebagai Pegawai Penerima.
- (6 markah)*

SOALAN 5

- a) Senaraikan **dua (2)** prinsip utama Pengurusan Perolehan Kerajaan.
- (2 markah)*

**SOALAN 5 (sambungan)**

b) Huraikan prosedur-prosedur pembelian alat ganti atau peralatan melalui kaedah berikut:

- i) Panjar Wang Runcit
- ii) Pembelian Terus

(6 markah)

c) Sebutkan perkara-perkara asas yang dinilai dalam penyediaan penilaian sebutharga.

(8 markah)

d) Kajian pasaran perolehan perlu dijalankan dalam membuat perolehan kerajaan. Berikan **dua (2)** faktor yang perlu dilihat semasa kajian pasaran perolehan dijalankan.

(4 markah)

**SOALAN 6**

a) Terangkan fungsi utama Bahagian Kawalan Stok dalam tatacara pengurusan stor.

(4 markah)

b) Bahan-bahan kimia yang mudah terbakar, minyak petrol dan diesel perlu disimpan dengan cara yang selamat. Terangkan cara-cara untuk pengstoran bahan-bahan mudah terbakar.

(8 markah)

c) Setiap aset akan melalui empat (4) fasa utama dalam hayatnya. Terangkan **empat (4)** fasa utama tersebut.

(8 markah)

SOALAN 7

a) Nyatakan fungsi keselamatan komponen elektrik berikut dalam bekalan kuasa:

- i) Pemutus litar utama (*Main circuit breaker – MCB*)
- ii) Pembumian (*Earth*)
- iii) Geganti (*Relay*)

(6 markah)

b) Susun atur peralatan di dalam bengkel adalah penting untuk menjamin keselamatan pekerja. Berikan **lima (5)** ciri susun atur bengkel yang dapat menjamin keselamatan pekerja bengkel.

(10 markah)

c) Papan tanda memberikan maklumat, petunjuk atau arahan keselamatan pada pengguna semasa berada di woksyop. Terangkan maksud amaran bagi papan tanda **(i) hingga (v)** berikut:



(i)



(ii)



(iii)



(v)


(4 markah)

SOALAN 8

- a) Namakan **tiga (3)** jenis mesin angkat (*type of crane*) yang terdapat di pasaran.

(6 markah)

- b) Namakan bahagian-bahagian mesin angkat elektrik jenis laluan atas (*electrical overhead crane*). yang bertanda **i hingga v** seperti **gambar rajah di bawah**.




(5 markah)

- c) Namakan jabatan yang bertanggungjawab dalam memberi kelulusan bagi Sijil Permit Mesin Angkat (PMA) untuk mesin angkat elektrik jenis laluan atas (*electrical overhead crane*) dan juga tempoh sah laku sijil tersebut.

(4 markah)

- d) *Forklift* merupakan mesin angkat untuk mengangkut peralatan atau barang berat. Namakan jenis kegagalan yang berlaku pada bahagian *forklift* yang bertanda **i hingga v** pada **gambar rajah di muka surat 8**.

**SOALAN 8 (sambungan)**



(5 markah)

**SOALAN 9**

- a) Senaraikan **tiga (3)** jawatankuasa yang dibentuk untuk membuat perolehan bekalan atau perkhidmatan secara tender menerusi sistem e-perolehan. Terangkan juga peranan setiap jawatankuasa tersebut.

(6 markah)

- b) Senaraikan **empat (4)** perkara utama yang perlu dimasukkan dalam penyediaan dokumen tender bekalan dan perkhidmatan.

(4 markah)

- c) Pada umumnya, tempoh sah laku tender yang minimum adalah sembilan puluh (90) hari, yang dikira daripada tarikh tender ditutup. Namun tempoh sah laku tender yang munasabah atau melebihi tempoh minimum boleh ditetapkan oleh Jabatan dengan mengambil kira beberapa faktor. Senaraikan **tiga (3)** faktor tersebut.

(6 markah)

- d) Nyatakan **empat (4)** tugas Jawatankuasa Pembuka Tender.

(4 markah)

SOALAN 10

- a) Huraikan maksud keselamatan diri sendiri dalam woksyop dan berikan **tiga (3)** langkah bagi mencegah daripada berlakunya kemalangan.

(5 markah)

- b) Nyatakan **tiga (3)** langkah keselamatan yang perlu diambil ketika menggunakan peralatan mesin di woksyop.

(3 markah)

- c) Alat perlindungan keselamatan mesti digunakan ketika bekerja di woksyop. Terangkan fungsi dan kegunaan alat perlindungan berikut:

- i) Gogal (*goggle*)
- ii) Cermin keselamatan
- iii) Sarung tangan keselamatan

(9 markah)

- d) Berikan **tiga (3)** faedah mengekalkan tempat kerja yang selamat.

(3 markah)

\*\*\*\*\*